

Azam sedia bantu KPT



Oleh MOHD RAHIME YUSOF 14 SEP 1989

PEMENANG pingat emas silat Kelas Bebas Sukan SEA XV, Azam Mokhtar, dipanggil memperkuatkan skuad taekwondo Kor Polis Tentera (KPT) bagi menghadapi Kejohanan Taekwondo Angkatan Tentera Malaysia pada 25 September ini. **B. Harlan (M)**

Dengan penyertaan itu, peluang Azam merebut juara kategori *heavy* begitu cerah kerana juara bertahan, Rashid Che Omar, tidak lagi membantu Rejimen Gerak Khas.

"Saya terpaksa mematuhi arahan KPT bagi tujuan itu. Ini tidak bermakna saya mengabaikan tanggungjawab terhadap silat," kata Azam.

Langkah KPT menyenaraikan Azam itu bertujuan mempertahankan kejuaraan apabila mendapat Rejimen Gerak Khas dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) begitu mencabar.

Azam berkata: "Saya tidak mahu disalah anggap. Selain mempelajari silat, saya juga mempunyai tali pinggang hitam kelas dua bagi taekwondo. Oleh itu, saya terpaksa membantu kemenangan KPT."

Katanya, ketidaaan Rashid lebih mencerahkan harapan untuk menjadi juara, tetapi tidak mahu memandang rendah keupayaan, Zulkifli Abdullah dari Rejimen Gerak Khas.

Rashid adalah pemenang pingat emas Sukan SEA lalu, tidak turut serta kerana akan menamatkan perkhidmatan dalam angkatan tentera, bulan depan.

Selain itu, Rashid kini menjalani latihan pusat kebangsaan untuk ke Kejohanan Taekwondo Dunia, di Seoul pada 9 hingga 14 Oktober ini.

Azam adalah pemenang pingat perak Kejohanan Taekwondo Jemputan Sedunia di Kuala Lumpur, Februari lalu selepas kalah kepada Rashid di perlawanan akhir.

Bagaimanapun, Azam membuktikan kewibawaannya apabila memenangi pingat emas menerusi silat pada Sukan SEA lalu.

"Saya tidak akan meninggalkan taekwondo walau pun silat memberi saya sebutir pingat emas, sebaliknya akan mendalami taekwondo dan silat setinggi mana yang terdaya," katanya, semalam.



■ AZAM... tetap berazam juarai kategori heavy.